

Siaran Media

7 Mac 2019

POS MALAYSIA, MCMC ANJUR PERTANDINGAN PARCEL DRONE PERTAMA DI MALAYSIA

Putrajaya, Khamis – Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menganjurkan Pertandingan *Parcel Drone* yang pertama seumpamanya di negara ini dalam usaha berterusan untuk mengukuhkan segmen pos dan kurier.

Pertandingan *Parcel Drone* yang berlangsung selama dua hari bermula pada 6 Mac 2019 ini dianjurkan di Kompleks Sukan Air Putrajaya. Seramai tujuh peserta separuh akhir telah dipilih daripada 40 permohonan. Tiga finalis telah dipilih bagi peringkat akhir setelah mencatatkan masa terpantas semasa peringkat separuh akhir yang berlangsung semalam.

Para peserta diberi dua kesempatan bagi menerbangkan dron dengan muatan seberat 2 kilogram dan mereka perlu menerbangkan bungkusan tersebut sejauh dua kilometer merentasi Tasik Putrajaya dan kembali semula ke tapak pelancaran dalam masa terpantas.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pos Malaysia, Syed Md Najib Syed Md Noor berkata, pertandingan ini merupakan langkah pertama Pos Malaysia untuk meneroka peluang bagi memperkenalkan teknologi dron dalam segmen penghantaran bungkusan bagi syarikat ini.

“Di Malaysia, dron lebih popular bagi tujuan fotografi serta videografi udara selain tujuan rekreasi. Perkembangan pesat teknologi dron telah membuka ruang bagi kita untuk menguji teknologi ini menghantar barang dari satu tempat ke tempat yang lain. Untuk merealisasikan inisiatif ini, kita perlu mereka dron yang berkeupayaan menghantar barang dalam pelbagai saiz.”

Bahagian Komunikasi
Pos Malaysia Berhad (229990-M)
Aras 8, Ibu Pejabat Pos Malaysia
Kompleks Dayabumi, 50670 Kuala Lumpur

t: +603 2267 2267
f: +603 2267 2255
www.pos.com.my

A Member Of
DRB-HICOM

“Pertandingan seumpama ini merupakan usaha berterusan Pos Malaysia dalam memacu inovasi teknologi penghantaran bagi merealisasikan misi kami menjadi katalis dalam segmen e-Dagang di negara serta rantau ini. Justeru, pertandingan ini akan menjadi platform untuk menguji teknologi dron sebagai alternatif kepada penghantaran peringkat akhir (*last-mile delivery*),” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Gobind Singh Deo hadir bagi menyempurnakan Pertandingan Parcel Drone berkenaan. Turut hadir adalah Pengerusi MCMC, Al-Ihsal Ishak, pegawai-pegawai kanan dari Pos Malaysia dan MCMC serta pelbagai agensi yang berkaitan.

Pemenang pertandingan hari ini akan membawa pulang hadiah utama bernilai RM25,000 serta berpeluang untuk bekerjasama dengan Pos Malaysia untuk projek-projek berkaitan dron di masa hadapan.

Pertandingan *Parcel Drone* Pos Malaysia ini turut dianjurkan bersama dengan agensi-agensi serta pihak berkuasa tempatan antaranya termasuklah Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Maklumat lanjut mengenai pertandingan ini boleh didapati menerusi laman sesawang www.drone.pos.com.my atau e-mel pertanyaan anda ke drone@pos.com.my.

-TAMAT-

Dikeluarkan bagi pihak Pos Malaysia Berhad oleh Bahagian Komunikasi

Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan media, sila hubungi Dato Rohaiza Hashim, Ketua Kumpulan, Bahagian Komunikasi di 03-2267 2200 (rohaiza@pos.com.my), Devonshire Sikem, Penolong Naib Presiden Perhubungan Media di 03-2267 2204 (devonshire@pos.com.my) atau Mohd Asyraf Mohd Fauzi, Associate Perhubungan Media di 03-2267 2206 (asyraf.fauzi@pos.com.my).

Bahagian Komunikasi
Pos Malaysia Berhad (229990-M)
Aras 8, Ibu Pejabat Pos Malaysia
Kompleks Dayabumi, 50670 Kuala Lumpur

t: +603 2267 2267
f: +603 2267 2255
www.pos.com.my

A Member Of
DRB-HICOM

Mengenai Pos Malaysia Berhad

Pos Malaysia Berhad adalah penyedia khidmat pos yang terulung di Malaysia, dengan rangkaian luas yang merangkumi lebih 3,700 saluran di seluruh negara termasuklah pejabat pos, Pos Mini, Pos24 (Terminal Layan Diri), Pos-On-Wheels (Pos Bergerak), hab eDagang, pusat khidmat dan cawangan Pos Laju, Pos Laju Go2U (Cawangan Bergerak), Kiosk Pos Laju, Pos Laju EziBox dan Pos Laju Prepaid Dropbox, selain wakil pos dan setem. Pos Malaysia menawarkan warga Malaysia rangkaian yang terluas di Malaysia.

Pos Malaysia telah berkembang maju daripada sekadar menjadi penyedia perkhidmatan pos dan mel. Kini, Pos Malaysia menerajui usaha dalam menyediakan khidmat menyeluruh eDagang, rantaian pembekal dan penyelesaian penerbangan kepada konsumen dan perniagaan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Pos Malaysia, sila hubungi Khidmat Pelanggan di PosLine di 1-300-300-300 atau e-mel kepada care@pos.com.my. Anda juga boleh melawat laman web kami di www.pos.com.my.

